

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Muzik 2621/1 mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A Bahagian ini mengandungi 7 soalan berbentuk struktur. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.

Bahagian B Bahagian ini mengandungi 4 soalan pilihan. Calon dikehendaki menjawab mana-mana 3 soalan saja.

Masa yang diberi untuk menjawab kedua-dua bahagian A dan bahagian B adalah 2 jam 30 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon adalah meningkat. Bilangan calon yang memperoleh markah maksima semakin bertambah berbanding tahun sebelum ini. Terdapat calon yang telah membuktikan mereka telah menguasai sepenuhnya teori muzik dengan mendapat markah maksima terutama soalan dari Bahagian A. Namun begitu masih terdapat calon yang gagal menguasai teori asas muzik seperti yang dikehendaki oleh objektif pelajaran Pendidikan Muzik.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan/tugasan dengan mengemukakan jawapan yang tepat bagi soalan dari Bahagian A. Terdapat calon yang mengemukakan jawapan yang melebihi daripada skema atau sukatan pelajaran di sekolah. Ini mungkin disebabkan terdapat di kalangan calon yang mempunyai latar belakang teori muzik seperti sijil teori dari ABRSM (Association Board Royal School of Music, London).

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan/tugasan yang diberi tetapi mengemukakan jawapan yang kurang tepat atau mantap. Ini menunjukkan calon kurang menguasai sepenuhnya teori asas muzik seperti yang dikehendaki oleh objektif mata pelajaran. Calon juga kekurangan isi, huraian serta contoh bagi menjawab soalan esei. Keadaan ini sebenarnya masih boleh diperbaiki dan diperkemas lagi.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak soalan/tugasan yang diminta dengan mengemukakan jawapan yang salah. Ini menunjukkan calon gagal menguasai Bahasa Muzik (teori) dan tidak dapat menjawab soalan yang mudah daripada Bahagian A. Begitu juga yang berlaku pada soalan esei daripada Bahagian B.

PRESTASI TERPERINCI

BAHAGIAN A

Bagi calon cemerlang soalan ini iaitu soalan 1 hingga soalan 6 merupakan soalan yang dapat memberikan markah maksima kepada calon. Contohnya soalan 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 adalah soalan yang berkaitan meter, skel, nada, jeda, triad/kod serta kedudukannya. Tetapi bagi soalan 7, majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan mendapat markah yang maksima termasuk calon cemerlang. Soalan ini adalah mengenai muzik tradisional iaitu ensembel Caklempong. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan calon tidak mengulangkaji topik yang telah mula diajar mulai tingkatan satu.

Bagi calon dalam kumpulan rendah pula, soalan dari Bahagian A gagal dijawab dengan tepat dan betul. Terdapat calon yang mendapat markah paling minima bagi soalan dari bahagian ini. Ini menunjukkan calon gagal memahami bahasa muzik yang paling asas misalnya jenis serta nilai not, penggunaan meter dan garis bar, skel major/minor, konsep nada dan sebagainya.

BAHAGIAN B

Secara keseluruhannya calon cemerlang dapat mengemukakan isi, huraian, serta contoh mengikut kehendak soalan/tugasan. Contohnya soalan 8, 9 dan 11, terdapat calon yang mendapat markah maksima. Begitu juga dengan calon sederhana, soalan dari bahagian ini telah membantu mereka mendapat markah yang lebih tinggi daripada Bahagian A. Untuk soalan 10, bilangan calon yang menjawab soalan ini adalah kecil termasuk calon cemerlang. Soalan ini adalah mengenai bangsawan sebagai satu bentuk muzik sinkretik. Kebanyakan calon yang cuba menjawab soalan ini gagal memahami konsep muzik sinkretik dari segi sifat/ciri serta kaitannya dengan muzik bangsawan.

Bagi calon yang lemah, mereka tidak dapat memberi jawapan yang baik. Ini disebabkan calon gagal mengemukakan isi penting. Mereka tidak dapat membuat huraian serta gagal mengemukakan contoh dalam jawapan mereka.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membuat persediaan rapi dan secukupnya samada dari segi bahan bacaan, nota serta buku rujukan yang berkaitan dengan sukatan pelajaran Pendidikan Muzik.
2. Memperbanyakkan latihan teori muzik sambil mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri serta mengulangkaji pelajaran Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5.
3. Membaca dan memahami kehendak soalan/tugasan dengan teliti sebelum menjawab. Calon perlu menganalisa soalan tersebut.
4. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan. Bahagikan masa sebaik-baiknya untuk setiap soalan dari kedua-dua bahagian samada Bahagian A atau Bahagian B.

SARANAN KEPADA GURU

1. Menguasai sepenuhnya teori muzik supaya guru lebih bersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
2. Memberikan latihan, latih-tubi dan soalan teori secara lebih kerap dan berkala kepada pelajar. Gunakan buku kerja teori yang banyak terdapat di pasaran.
3. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P).
4. Mendedahkan pelbagai bentuk/format soalan kepada pelajar serta contoh jawapan seperti yang dikehendaki oleh soalan